

## **KARNIVAL KERJAYA SEKTOR PERTANIAN 2011-**

**Lebih 8,000 peluang pekerjaan dalam sektor di bidang industri tanaman, ternakan, perikanan tangkapan, akuakultur dan pemprosesan makanan akan ditawarkan menerusi KARNIVAL KERJAYA SEKTOR PERTANIAN 2011 yang akan di adakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC ) Kuala Lumpur pada 17-18 September 2011.**

**Karnival ini merupakan program pertama yang julung kali dianjurkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) dengan kerjasama daripada Kementerian Sumber Manusia.**

**YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani akan merasmikan karnival ini pada 17 September 2011 jam 12 tengahari. Di samping itu satu Majlis Konvokesyen Bersepadu MOA bagi graduan lepasan NATC dan Institut Pertanian Malaysia akan berlansung di Dewan Merdeka PWTC pada 17 September 2011.**

**Karnival ini turut menyediakan pelbagai aktiviti yang akan dijalankan bersama dengan JobsMalaysia seperti temuduga terbuka (walk-in interview), pendaftaran online pekerjaan (Jobs matching), Klinik Kerjaya seperti kaedah membuat resume dan tips menghadiri temuduga.**

**Aktiviti lain yang akan dijalankan adalah pameran kerjaya oleh Jabatan/Agensi MOA, dan juga syarikat-syarikat komersial pertanian swasta, cerita kejayaan (career talks –success stories) oleh bekas graduan yang telah berjaya, jualan produk berjenama 1 Malaysia Best oleh FAMA.**

**Graduan- Graduan SKM dan DKM serta Ijazah dalam bidang pertanian dan belia-belia lepasan UPSR, PMR dan SPM adalah merupakan sasaran utama Karnival ini. Datanglah beramai-ramai bagi merebut peluang pekerjaan, mendaftar pekerjaan serta mendapat matlumut terkini kerjaya dalam bidang pertanian. Pertanian adalah satu perniagaan, satu kemahiran dan satu kerjaya.**



PELATIH NATC DI KOLEJ PERTANIAN MALAYSIA

PELATIH SEDANG MENUNGGU GILIRAN TEMUDUGA

